

18 NOV 1999

Abu Hassan-Gugur

17 AHLI PARLIMEN DAN DUN SELANGOR DIGUGURKAN

SHAH ALAM, 18 Nov (Bernama) -- Bekas Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib adalah antara 17 muka lama yang digugurkan daripada senarai calon Barisan Nasional (BN) Selangor bagi pilihan raya umum pada 29 Nov ini.

Pengerusi BN Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar yang mengumumkan senarai calon itu hari ini berkata, anggota Parlimen yang digugurkan pula ialah Datuk Jamaluddin Adnan (Kuala Selangor), Mahbud Hashim (Sabak Bernam), G. Leelavathi (Kapar), Datuk M. Mahalingam (Subang), Lim Kuo Phau (PJ Utara).

Bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pula, Muhammad yang juga Naib Presiden Umno digugurkan daripada kerusi DUN Batang Kali bersama Datuk Abu Sujak Mahmud (Batu Tiga), Datuk Pius Martin (Bukit Lanjan), Datuk Onn Ismail (Selat Klang), Datuk Saidin Tamby (Paya Jaras) dan Gopala Krishnan (Sungai Tua).

Turut digugurkan ialah Datin Rakibah Abdul Manap anggota DUN Gombak Setia, Shoib Md Silin (Beranang), Khoo Ooi Seng (Kampung Tunku), Mohd Pauzi Abdul Murad (Sungai Panjang), Abu Zahar Hashim (Taman Medan) dan S. Rajagopal (Kota Raja).

Kesemua yang digugurkan itu telah berkhidmat sekurang-kurangnya sepenggal.

Mengenai kedudukan Muhammad, Abu Hassan berkata semua senarai itu telah diputuskan oleh pucuk pimpinan dan dipersetujui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad.

"Namanya (Muhammad) tiada dalam senarai, jadi tak adalah," katanya ketika dirujuk mengenai perkara itu pada persidangan berita di bilik mesyuarat Ibu pejabat Badan Perhubungan Umno Selangor.

Senarai ini adalah muktamad dan tiada lagi pertukaran akan dibuat menjelang hari penamaan calon pada Sabtu ini, katanya.

Abu Hassan berkata beliau mengumumkan senarai calon pada hari ini dengan tujuan mengelakkan spekulasi dan mengurangkan keresahan di peringkat akar umbi serta bagi memudahkan para calon membuat persediaan awal untuk menghadapi pilihan raya.

"Banyak sangat ramalan dibuat sampai menyusahkan saya tidur lena, jadi dengan pengumuman hari ini tamatlah segala ramalan dan semua boleh memulakan tugas," katanya.

Dengan pengumuman itu pembahagian kerusi pilihan raya kepada parti-parti komponen BN Selangor kekal dengan Umno mendapat lapan kerusi Parlimen dan 30 kerusi DUN, MCA mendapat enam Parlimen dan 12 DUN, MIC dapat tiga Parlimen dan tiga DUN manakala Gerakan mendapat tiga kerusi DUN.

Semua yang digugurkan tidak kelihatan pada majlis itu kecuali Onn, yang tempatnya diambil alih oleh Zakaria Md Deros.

Onn yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor berkata beliau tidak berkecil hati kerana tidak terpilih mewakili kawasan itu pada pilihan raya kali ini.

"Saya sudah jadi wakil rakyat selama enam penggal dan Zakaria yang bantu meletakkan saya sebagai wakil rakyat, jadi sewajarnya ini giliran saya membantu dia (Zakaria) untuk memenangi kawasan DUN Selat Klang sekarang," katanya.

Beliau berkata semua anggota Umno harus akur dengan keputusan pucuk pimpinan dan memastikan kemenangan di semua kawasan yang ditandingi oleh BN.

Sementara itu seorang daripada muka baru yang ditemui pada majlis itu, Dr Mohamad Khir Toyo calon DUN Tanjung Karang berkata, beliau bersyukur terhadap kepercayaan yang diberikan dan akan berusaha keras meneruskan kecemerlangan kerajaan BN.

Katanya beliau akan mengketengahkan soal-soal pendidikan dan pembangunan masyarakat sekiranya dipilih nanti.

Ahmad Kuris Mohd Nor calon DUN Beranang berkata, beliau berterima kasih dengan kepercayaan yang diberikan oleh pucuk pimpinan BN dan akan berusaha gigih menjamin kemenangan BN pada pilihan raya.

-- BERNAMA

AZH HS PR